



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

Malaysian Palm Oil Board

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

(Ministry of Plantation Industries and Commodities)

Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. : (04) C/KM/181/7 Jilid 1

1 Ogos 2022

Semua pemegang lesen yang dilesenkan bagi aktiviti eksport minyak sawit yang diproseskan (minyak masak sawit tulen)

Tuan,

MAKLUMAN PENGUATKUASAAN AKTA KAWALAN BEKALAN 1961, PERATURAN-PERATURAN KAWALAN BEKALAN (LARANGAN EKSPORT) (PINDAAN) 2022

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah mewartakan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) (Pindaan) 2022 (Peraturan Larangan Eksport) iaitu Pindaan Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) (Pindaan) 2011 dengan memasukkan butiran berikut:

"Minyak masak sawit tulen dalam bungkusan polibeg"

Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2022.

3. Selaras dengan penguatkuasaan ke atas larangan eksport berkenaan, tuan adalah dikehendaki memastikan bahawa pengeksportan minyak sawit yang diproseskan (minyak masak sawit tulen) adalah **BUKAN** dalam bungkusan polibeg untuk mengelakkan pelanggaran ke atas Peraturan Larangan Eksport yang telah ditetapkan. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) amat menitikberatkan dan memandang serius agar semua pemegang lesen untuk aktiviti eksport minyak sawit yang diproseskan (minyak masak sawit tulen) mematuhi syarat yang termaktub di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) (Pindaan) 2022.

4. Adalah diingatkan bahawa ketidakpatuhan kepada mana-mana perundangan yang sedang berkuat kuasa di Malaysia boleh menyebabkan lesen tuan dibatalkan, digantung, atau tidak diperbaharui sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan 15, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 iaitu:



7 - 9 November 2023
Kuala Lumpur Convention Centre

Per. 15(f)- "pemegang lesen telah melanggar atau gagal untuk mematuhi mana-mana peruntukan Akta atau mana-mana pekeliling penguatkuasaan MPOB atau mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia sama ada terdapat pendakwaan atau tidak bagi kesalahan berkenaan dengan perlanggaran atau kegagalan itu;"

5. Sehubungan itu, tuan adalah diingatkan supaya sentiasa memastikan aktiviti pengeksportan minyak sawit yang diproseskan (minyak masak sawit tulen) mengikut peruntukan perundangan yang ditetapkan demi kelangsungan dan kelestarian industri sawit di dalam dan luar negara.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,



DATUK DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR
Ketua Pengarah, MPOB



29 Julai 2022
29 July 2022
P.U. (A) 254

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN BEKALAN (LARANGAN EKSPORT) (PINDAAN) (NO. 2) 2022

CONTROL OF SUPPLIES (PROHIBITION ON EXPORT) (AMENDMENT) (NO. 2) REGULATIONS 2022

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KAWALAN BEKALAN 1961

**PERATURAN-PERATURAN KAWALAN BEKALAN
(LARANGAN EKSPORT) (PINDAAN) (NO. 2) 2022**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 6(2)(b) Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) (Pindaan) (No. 2) 2022**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2022.

Pindaan Jadual Kedua

2. Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2011 [P.U. (A) 86/2011] dipinda dalam Jadual Kedua dengan memasukkan selepas butiran "Simen" butiran yang berikut:

"Minyak masak sawit tulen dalam bungkusan polibeg".

Dibuat 29 Julai 2022
[KPDNKK 600-1/2/23 JLD 2(1); PN(PU2)188/Jld. 13]

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

CONTROL OF SUPPLIES ACT 1961

CONTROL OF SUPPLIES (PROHIBITION ON EXPORT)
(AMENDMENT) (NO. 2) REGULATIONS 2022

IN exercise of the powers conferred by paragraph 6(2)(b) of the Control of Supplies Act 1961 [Act 122], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Control of Supplies (Prohibition on Export) (Amendment) (No. 2) Regulations 2022**.

(2) These Regulations come into operation on 1 August 2022.

Amendment of Second Schedule

2. The Control of Supplies (Prohibition on Export) Regulations 2011 [P.U. (A) 86/2011] is amended in the Second Schedule by inserting after the item "Cement" the following item:

"Pure palm cooking oil in polybag packaging".

Made 29 July 2022
[KPDNKK 600-1/2/23 JLD 2(1); PN(PU2)188/Jld. 13]

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs

